

20/08/2002

Politik cetek Pas punca perpecahan

Ziauddin Sharuddin

SEREMBAN, Isnin - Umat Islam di Malaysia kini berpecah dua akibat fahaman politik cetek Pas yang mendakwa usaha untuk menguatkan tamadun adalah sekular dan bertentangan dengan Islam.

Fahaman politik yang mengelirukan umat Islam semata-mata dengan tujuan untuk menguasai politik negara, mengajar bahawa Islam adalah akidah dan bukan tamadun.

Penasihat Agama kepada Perdana Menteri, Tan Sri Dr Abdul Hamid Othman, berkata ajaran itu tidak sejajar dengan komponen Islam yang terbahagi kepada dua, akidah dan tamadun.

Katanya, dari segi ilmu, akidah adalah fardu ain dan tamadun adalah fardu kifayah.

"Islam sentiasa menyuruh umatnya menjadi kuat. Ini perkara ilmu yang kita perlu tahu. Bagaimanapun, ada pihak yang kata Islam itu akidah, bukan pembangunan dan tamadun.

"Apabila kerajaan hendak menguatkan umat Islam melalui tamadun, usaha ini dicemuh dan dilabelkan sebagai sekular," katanya selepas majlis penutup Seminar Antarabangsa Dakwah dan Tariqat Tasawwuf di Hotel Hilton di sini, hari ini.

Seminar tiga hari itu anjuran Jabatan Mufti Negeri Sembilan dan Majlis Agama Islam Negeri Sembilan dengan kerjasama Fakulti Pengajian Islam Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM).

Dr Abdul Hamid berkata, takrif orang salih tidak sepatutnya dihadkan kepada orang yang hanya mengikut ajaran Islam sedangkan orang yang bekerja juga adalah salih.

Katanya, Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, yang memahami asas Islam ini tidak mahu wujud anggapan bahawa pencapaian kebendaan tidak dianggap sebagai kerja agama.

"Ini kerana Allah berfirman tugas kita ialah menghapuskan kebuluran, kemiskinan dan huru hara.

"Tetapi usaha negara untuk menghapuskan semua ini tidak dianggap sebagai kerja agama. Yang kerja agama ialah fardu ain. Ini yang dibuat oleh Pas untuk memecahkan umat Islam yang boleh membawa kepada kelemahan," katanya.

Bagi menangani masalah ini berterusan, beliau berkata, kempen penerangan diadakan dengan sasaran kepada golongan sasaran seperti anggota polis dan kakitangan kerajaan.